

Source: Berita Harian, Page 5
Date: 26 August 2022

Struktur kehidupan masa kini perlu dikemas kini: DPM Heng

► FARID HAMZAH
farid@sph.com.sg

JANGKA usia mencecah 100 tahun mungkin menjadi norma kehidupan sedang jangka hayat terus meningkat.

Ini akan mempunyai implikasi mendalam buat masyarakat dan individu yang perlu mencari jalan menampung kehidupan mereka yang lebih lama.

Demikian menurut Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Penyelaras bagi Dasar Ekonomi, Encik Heng Swee Keat, semalam.

Beliau berkata malah struktur kehidupan masa kini yang meliputi tiga peringkat, iaitu pendidikan, pekerjaan dan persaraan perlu dikemas kini.

“Sedang usia semakin panjang, persoalannya buat semua masyarakat ialah, bagaimana boleh kita sokong rakyat dalam menjalani kehidupan yang bermakna dan penuh matlamat,” katanya.

Beliau menambah pandangan masa kini bahawa warga senja menimbulkan “bebanan yang memincangkan masyarakat” adalah minda yang terhad dan perlu diubah.

Bagi memastikan kita dapat melahirkan potensi orang ramai sedang



TINGKAT PENGHASILAN: Encik Heng Swee Keat berkata kajian telah menunjukkan bahawa warga senja dalam pasukan berbilang generasi mampu memberi dorongan kepada penghasilan pekerjaan di sekeliling mereka dan pasukan yang bercampur itu bertindak lebih baik berbanding pasukan satu generasi. – Foto NUHS

usia mereka meningkat, penting bagi kita menghasilkan “dividen hidup lama”, yang kemudian dapat memanfaatkan orang ramai daripada semua lapisan usia dan penduduk sejagat, kata Encik Heng lagi.

Encik Heng berkata demikian semasa berucap pada persidangan Peta Sejagat bagi Lanjut Usia yang Sihat: Pelaksanaan di Asia oleh Akademi Nasional Perubahan

(NAM) Amerika Syarikat, di Auditorium Sistem Kesihatan Universiti Nasional (NUHS), semalam.

Sekitar 180 peserta terdiri daripada anggota suruhanjaya antarabangsa yang dilantik NAM, pemikir utama sejagat, serta penggubal dasar akademik, pertubuhan jagaan kesihatan, pemain industri, dan sektor bukan raih keuntungan serantau dan sejagat telah menghadiri acara itu se-

cara fizikal dan 380 lagi menerusi dalam talian.

Peta yang diterbitkan Jun lalu itu merupakan hasil kerja tiga tahun oleh sebuah suruhanjaya daripada pelbagai kepakaran bagi memberi pandangan dunia di mana orang ramai hidup lebih lama, dan cara terbaik untuk mereka lalunya menerusi pendekatan seluruh masyarakat.

Naib Presiden Kanan Inovasi

Kesihatan di Universiti Nasional Singapura, Profesor John Wong, merupakan pengerusi bersama suruhanjaya itu bersama Dekan Sekolah Kesihatan Awam Universiti Columbia, Profesor Linda Fried.

Laporan itu mengetengahkan bidang dengan tindakan yang diam-bil boleh memperbaiki usia sihat yang panjang, termasuk peluang bagi penglibatan bermakna pada setiap peringkat kehidupan, perlindungan sosial, keselamatan kewangan, sekitaran fizikal, jagaan kesihatan dan pembelajaran sepanjang hayat.

Encik Heng memberitahu peserta sedang orang ramai hidup lebih lama, usia persaraan masih kekal hampir sama.

Meskipun perundangan boleh membantu, penting bagi majikan mengenal pasti bahawa menawarkan peluang kepada pekerja warga senja

bukan kerja amal, tapi amalan baik bagi syarikat mereka.

“Kajian telah menunjukkan bahawa warga senja dalam pasukan berbilang generasi mampu memberi dorongan kepada penghasilan pekerjaan di sekeliling mereka dan pasukan yang bercampur itu bertindak lebih baik berbanding pasukan satu generasi,” kata Encik Heng.

Sedang set minda itu sukar diubah, Encik Heng berkata ia boleh dicapai – melihatkan ramainya wanita dalam tenaga kerja hari ini.

Ini satu senario yang mungkin tidak difikirkan satu atau dua generasi lalu.

“Saya berharap dalam tahun-tahun mendatang, kita akan dapat menimba potensi penuh warga senja untuk menyumbang kepada masyarakat,” katanya.